

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
[BESUT]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah perancangan jangka pendek Kementerian untuk meningkatkan hasil pertanian, khasnya dalam memastikan pengeluaran makanan negara mencukupi untuk memenuhi keperluan semua lapisan masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat utama Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 (Pelan Tindakan DSMN) adalah memastikan kelangsungan bekalan makanan yang cukup, selamat, bernutrisi dan mampu beli secara berterusan kepada rakyat.

Selaras dengan itu, strategi jangka pendek dan jangka sederhana yang dirangka menerusi Pelan Tindakan DSMN memberi tumpuan kepada usaha untuk menjamin kestabilan rantai bekalan, terutamanya kelancaran aktiviti pengeluaran makanan. Antaranya, memperluaskan adaptasi teknologi dalam sistem makanan, selain memperkuuh serta menambahbaik infrastruktur dan fasiliti sedia ada sebagai langkah pragmatik untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti sistem ini, berteraskan skala ekonomikal. Inisiatif yang dilaksanakan termasuk pembangunan pusat aktiviti lepas tuai, pusat pengembangan akuakultur serta Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB).

Usaha-usaha untuk meningkatkan hasil pertanian bagi memastikan pengeluaran makanan negara mencukupi, secara khususnya akan direalisasikan menerusi perancangan jangka pendek bagi tempoh satu (1) hingga dua (2) tahun di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 yang merangkumi inisiatif untuk:

- (i) memperkuuhkan keusahawanan makanan dan inovasi teknologi makanan;
- (ii) meningkatkan tahap kesedaran kehilangan dan pembaziran makanan di sepanjang rantai nilai melalui pelaksanaan program berstruktur;
- (iii) meningkatkan penglibatan holistik dengan sektor swasta dalam usaha pemerkasaan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) bagi memacu

SOALAN NO : 19

kesinambungan pembangunan teknologi baka dan/atau produk baharu;

- (iv) memperkenalkan skim insurans terhadap penyakit berjangkit;
- (v) menyediakan insentif bagi penghasilan bahan makanan ternakan tempatan untuk kegunaan domestik; dan
- (vi) menggalakkan sektor swasta untuk meningkatkan penggunaan bahan mentah/input daripada sumber tempatan melalui pakej insentif.

MAFI yakin strategi-strategi jangka pendek yang dirangka di bawah Pelan Tindakan DSMN dan DAN 2.0 akan menyumbang dalam meningkatkan produktiviti sistem makanan, selain menjamin pengeluaran makanan negara mencukupi bagi memenuhi keperluan semua lapisan masyarakat.

Sekian, terima kasih.